

**PARLIMEN: Kerajaan Tegas Uruskan Hutang Negara - Ahmad Husni  
Bernama  
18 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Malaysia mempunyai rekod yang baik dalam pembayaran setiap pinjamannya, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Beliau berkata ini dapat dilakukan kerana kerajaan tegas dalam menguruskan hutang negara termasuk memastikan pendapatan yang diperolehinya adalah melebihi perbelanjaan mengurus.

"Dalam erti kata lain, kita (kerajaan) tidak meminjam untuk bayar gaji. Kita hanya meminjam untuk tujuan pembangunan yang memberi kesan berganda," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 peringkat dasar bagi Kementerian Kewangan di Dewan Rakyat Khamis.

Menurutnya kerajaan juga sentiasa memastikan setiap hutang yang diambil mampu dibayar semula berbanding hanya melihat dari aspek 'leverage' apabila memohon pembiayaan.

"Dalam menguruskan hutang, kita begitu tegas. Kita cantum kedua-duanya dan pastikan ia tidak melebihi 55 peratus. Kita waspada dan serius tangani hutang," katanya.

Persidangan Dewan disambung Isnin ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703066>